



Bahagian A
[Masa dicadangkan : 45 minit]
[30 markah]

JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

PEPERIKSAAN OTI 1 2010
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
BAHASA MELAYU
Kertas 1
Mei.


1103/1

2 ¼ jam

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**
2. Jawab soalan **Bahagian A** dan satu soalan daripada **Bahagian B**.
3. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi



Disediakan oleh:
AKRAM NEGERI TERENGGANU

Dibiayai oleh:
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

TERENGGANU ANJUNG ILMU

Dicetak oleh:
 Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
 Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063


Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

Bahagian A

[Masa dicadangkan : 45 minit]

[30 markah]

Gambar rajah di bawah menunjukkan sebahagian daripada faktor pendorong kepada kejayaan seseorang murid. Huraikan pendapat anda tentang faktor-faktor kecemerlangan seseorang murid. Panjang huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



Bahagian B

[Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit]

[100 markah]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Dunia remaja sering terdedah kepada pelbagai gejala sosial.

Bincangkan langkah-langkah yang dapat dilakukan oleh remaja untuk mengelakkan diri daripada terlibat dalam gejala sosial.

2. *Kasih ibu kasih sejati,
Kasih ayah berkorban jiwa;
Jasa ibu membawa ke mati,
Rela berkorban jiwa raga.*

Pantun di atas menjelaskan bahawa jasa ibu bapa amat besar dalam kehidupan manusia. Oleh itu, sebagai anak jelaskan tanggungjawab anak-anak terhadap kedua-dua ibu bapa.

3. Sungai menjadi sumber air yang utama di negara kita. Pencemaran sungai yang berleluasa menimbulkan masalah kepada kita. Sebagai wartawan, anda diminta menulis sebuah rencana tentang punca-punca pencemaran sungai.

Tulis rencana anda selengkapnya.

4. Industri Kecil dan Sederhana (IKS) negara seperti industri pembuatan perabot, penghasilan produk makanan dan kraftangan mampu bersaing di pasaran global.

Huraikan tentang usaha-usaha yang perlu diambil agar Industri Kecil dan Sederhana (IKS) mampu menembusi pasaran global.

5. Amalan membaca karya sastera banyak memberi manfaat kepada pembaca.

Ulaskan.

KERTAS SOALAN TAMAT